

26/05/2001

Orang Melayu perlu pertahan perniagaan

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan memastikan kepentingan ekonomi orang Melayu terus terpelihara dan berkembang maju.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, dalam proses ekonomi dunia memasuki era baru pasaran yang menjadi lebih terbuka dan bebas, orang Melayu harus mengukuh kedudukan persaingan dengan meningkatkan mutu produk agar dapat mempertahankan perniagaan mereka.

Katanya, langkah itu penting kerana orang Melayu perlu menyedari dan bersedia menghadapi persaingan pasaran global di pasaran terbuka tanpa bantuan kerajaan lagi.

"Kerajaan setakat upayanya akan berusaha memastikan kepentingan ekonomi orang Melayu terus terpelihara dan berkembang maju," katanya dalam perutusan buku cenderamata perasmian Konvensyen Industri Kecil dan Sederhana (IKS), anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan (DPMMNK), di sini hari ini.

Konvensyen bertemakan 'Persediaan Ke Arah Perdagangan Global Menjelang Afta 2003' itu dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mewakili Perdana Menteri.

Kira-kira 500 peserta termasuk dari Thailand, Brunei dan Malaysia menyertai konvensyen dua hari itu.

Dr Mahathir berkata, proses globalisasi dan liberalisasi yang melanda dunia sekarang mewujudkan persekitaran persaingan ekonomi baru yang lebih sengit.

Oleh itu, beliau berkata, peniaga dan usahawan sama ada kecil atau besar perlu bersatu bagi mengukuhkan kedudukan mereka untuk bersaing dalam era pasaran ekonomi terbuka.

"Usahawan Bumiputera di Kelantan khasnya dan Malaysia amnya, perlu jelas bahawa zaman perlindungan perniagaan akan berakhir dalam era globalisasi dan liberalisasi ini," katanya.

Antara objektif konvensyen itu ialah untuk melahirkan masyarakat Bumiputera yang memahami kepentingan pasaran global yang berorientasikan eksport.

(END)